

# Kursus Pemimpin Pelajar UMS catat bilangan penyertaan dua kali ganda

UB 29.02.2012 A7

KOTA KINABALU: Seramai 341 mahasiswa UMS telah mengikuti Kursus Pemimpin Pelajar UMS bagi sesi 2012/2013 selama dua hari di Eco Lake Training Centre Membakut baru-baru ini.

Penyertaan adalah dari kalangan pelajar tahun 1 dan 2 iaitu seramai 200 mahasiswa dari kampus induk, 130 orang dari Kampus Cawangan Antarabangsa Labuan dan 11 orang dari Kampus Cawangan Sandakan.

Jumlah penyertaan mahasiswa mengikuti kursus itu telah meningkat dua kali ganda berbanding 100 orang pada tahun 2010 dan 136 pada tahun 2011.

Sesungguhnya, peningkatan penyertaan mahasiswa ini merupakan

petunjuk bahawa mahasiswa semakin matang, berpandangan jauh dan sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran.

Kursus itu bertujuan memberikan perspektif kepada mahasiswa mengenai peranan dan tanggungjawab mereka selaku pemimpin mahasiswa kelak di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Mahasiswa yang menyertai kursus itu mendapat kesedaran terhadap peri pentingnya semangat patriotisme dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia, kepentingan membina sikap kerjasama berpasukan, meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah melalui sikap professional, kebijaksanaan dan kesarjanaan.